

22/04/2001

PM bidas calon kalah sokong pembangkang

Mutazar Abd Ghani; Hassan Omar

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal ada pemimpin dan ahli Umno yang diberi kedudukan tinggi peringkat pusat dan negeri, sanggup menyokong calon lawan apabila mereka tidak lagi dipilih menjadi calon.

"Mereka golongan tidak tahu mengenang budi orang dulu yang menyokong dia kerana dia dalam Umno," kata Presiden Umno selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata beliau akan tetap menyokong penggantinya apabila berundur kelak.

Sebagai prinsip dan tanggungjawab, beliau akan menyokong orang yang mengambil alih tempatnya kerana orang itu sebenarnya yang menyokongnya sebelum ini.

"Sebagai prinsip, apabila saya sudah undur diri, maka menjadi tanggungjawab saya menyokong orang yang mengambil alih (tempat saya) kerana sebenarnya (mereka) adalah orang yang dulunya menyokong saya," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir menasihatkan calon yang bertanding pelbagai jawatan pada peringkat bahagian atau cawangan kembali bersatu serta merapatkan barisan dengan menyokong pihak yang menang.

Menurutnya, sudah menjadi adat, dalam setiap pertandingan, ada yang menang dan ada yang kalah.

Malah, beliau berkata, bagi jawatan tertentu yang menyaksikan ramai calon bertanding, pasti yang kalah lebih ramai daripada yang menang.

"Kalau kita kalah, kita rapatkan kembali barisan, kita sokong mereka yang menang, kita bersatu padu balik...kerana satu hari nanti, apabila kita bertanding dan kita menang, kita nak orang lain juga sokong kita.

"Jadi, kalau kita nak orang lain sokong kita, kita sokong orang dululah," katanya sambil menambah mereka yang kalah boleh bertanding semula pada pemilihan akan datang.

Dr Mahathir berkata, kemenangan pada pemilihan pelbagai jawatan parti bukan segala-galanya kerana perjuangan utama ahli adalah memastikan perpaduan serta keutuhan Umno.

Katanya, hanya dengan perpaduan jitu ahli, Umno akan terus kuat dan mampu memperjuang nasib orang Melayu.

Beliau mengingatkan calon yang bertanding bahawa kemenangan dalam pemilihan parti bukan jaminan untuk membolehkan seseorang dipilih sebagai calon dalam pilihan raya.

(END)